

2017
2020



JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

PELAN
TRANSFORMASI
**Melestarikan Kecemerlangan
Jabatan Imigresen Malaysia**

2017 2020



JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

PELAN --- *TRANSFORMASI* **Melestarikan Kecemerlangan Jabatan Imigresen Malaysia**

Isi Kandungan

Kata-kata Aluan	02
Pendahuluan	04
Latar Belakang Jabatan Imigresen Malaysia	05
Struktur Organisasi Jabatan Imigresen Malaysia	05
Fungsi dan Peranan Jabatan Imigresen Malaysia	07
Punca Kuasa Jabatan Imigresen Malaysia	07
Evolusi Jabatan Imigresen Malaysia	08
Senario Perubahan Semasa	09
Cabaran Teknologi	09
Cabaran Modal Insan	09
Cabaran Keselamatan	10
Hala Tuju Transformasi 2017 – 2020	11
Visi, misi, moto, slogan & objektif Jabatan Imigresen Malaysia	11
Teras Strategik	13
Kerangka Transformasi Jabatan Imigresen Malaysia	13
Teras Kawalan: Keselamatan dan Kawalan Diutamakan	14
Teras Operasi: Pemantapan Penguatkuasaan Imigresen	14
Teras Pengurusan: Perekayasaan Jabatan Imigresen Malaysia	14
Sektor Kawalan Jabatan Imigresen Malaysia	15
Sektor Operasi Jabatan Imigresen Malaysia	21
Sektor Pengurusan Jabatan Imigresen Malaysia	30
Elemen Penentu Kejayaan	41
Mekanisme Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian Semula	42
Way Forward	43
Penutup	44
Bibliografi	45

Kata-kata Aluan

KETUA PENGARAH IMIGRESEN



Assalamualaikum W.B.T dan salam 1 Imigresen Integriti Profesional Mesra

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan perkenanNya Buku Pelan Transformasi Melestarikan Kecemerlangan Jabatan Imigresen Malaysia 2017-2020 ini berjaya disiapkan akhirnya.

Pelan Transformasi Melestarikan Kecemerlangan Jabatan Imigresen Malaysia 2017-2020 merupakan satu wacana penilaian semula gagasan transformasi Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi mendukung Program Transformasi Negara TN50 dalam tempoh 30 tahun akan datang. Transformasi yang direncana dalam menentukan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab sebagaimana Visi dan Misi murni JIM menjadi landasan membentuk suatu lanskap perancangan bersistematik dan holistik mendepani cabaran dan perubahan mengikut peredaran masa. Justeru, pelbagai aspek transformasi, khususnya melibatkan Transformasi Pengurusan, Transformasi Kawalan dan Transformasi Operasi dirancang, dilaksanakan dan akan terus dipantau pencapaiannya.

Melestarikan tindakan pelaksanaan dan sentiasa ditambah baik sistem penyampaian perkhidmatan yang diamanahkan akan menentukan kesiapsiagaan warga kerja JIM di segenap lapisan. Kepimpinan JIM yang disokong oleh semua pegawai dan staf organisasi merupakan kekuatan untuk memastikan perancangan dan kesinambungan bertindak dilakukan. Menentukan rentak pelaksanaan tugas, dinilai dan dipantau akan sentiasa menjadi suatu kemestian bagi merealisasikan penambahbaikan berterusan.

Kecemerlangan bagi menentukan keberhasilan pelaksanaan tugas agar dirasakan atau dinikmati oleh pelanggan dan *stakeholders* yang berurusan dengan JIM merupakan wadah dan gagasan penting yang diperjuangkan oleh JIM. Denyut nadi rakyat yang mengkehendaki sistem penyampaian perkhidmatan terbaik, dengan menentukan urus tadbir (*good governance*) yang baik akan mewujudkan *output* dan *outcome* atau keberhasilan yang lebih jitu. Untuk itu, pengemblengan semua usaha dan tenaga oleh warga kerja JIM dan dengan kerjasama pelbagai pihak juga menjadi suatu ketetapan bagi menentukan kedaulatan, keselamatan dan kesejahteraan negara dan rakyat Malaysia sentiasa terpelihara.

Sehubungan itu, melalui pelan yang digagaskan ini, saya ingin mengajak semua warga JIM untuk kita raikan tugas yang diamanahkan. Kepada masyarakat Malaysia amnya, pertanggungjawaban mendaulatkan keselamatan dan kesejahteraan negara bukan hanya terletak kepada JIM sebagai sebuah jabatan penguatkuasa undang-undang sahaja, sebaliknya penggembleran azam dan iltizam bersama.

Biar beribu halangan dan ancaman menerpa.

Biar banyak kekurangan dan kekangan dirasa.

Ia tidak akan meratah jiwa pahlawan.

Ia tidak akan merentap prinsip keperwiraan.

Kerana kitalah benteng kedaulatan,
keselamatan dan kesejahteraan.

Sekian, terima kasih.


DATO' SRI HAJI MUSTAFAR BIN HAJI ALI
KETUA PENGARAH
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA



Pendahuluan


Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) mempunyai 04 (empat) fungsi utama selain daripada menguatkuasakan Akta Imigresen 1959/63, Peraturan-peraturan Imigresen 1963, Akta Pasport 1966 dan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007. JIM juga turut berperanan dalam pengeluaran dokumen perjalanan kepada warganegara dan penduduk tetap, mengeluarkan pas, visa, atau permit kepada warganegara asing dan seterusnya mengawal selia pergerakan keluar masuk orang di pintu-pintu masuk yang diwartakan. Empat teras perkhidmatan ini telah banyak mengalami arus perubahan sejak tahun bersejarah 1947.

Seiring dengan perubahan polisi dan dasar kerajaan, perkhidmatan JIM juga berkembang dan senantiasa ditambahbaik. Transformasi yang dilakukan tahun demi tahun menempatkan JIM di mata dunia sebaris dengan negara asing melalui keahlian *International Civil Aviation Organization* (ICAO) dan sebagai negara pertama pengeluar pasport bercirikan teknologi cip di peringkat Asia. Dengan arus transformasi yang dinikmati kini, menjelang tahun 2020, program-program yang telah disusun ini diharapkan mampu menjulang nama Jabatan Imigresen Malaysia setanding dengan agensi lain yang berkredibiliti cemerlang.




Latar Belakang Jabatan Imigresen Malaysia

Struktur Organisasi Jabatan Imigresen Malaysia Carta Organisasi JIM Dalam Negara



Latar Belakang Jabatan Imigresen Malaysia

Struktur Organisasi Jabatan Imigresen Malaysia Carta Organisasi JIM Luar Negara



Fungsi dan Peranan Jabatan Imigresen Malaysia

- Mengeluarkan pasport dan dokumen perjalanan kepada warganegara dan penduduk tetap;
- Mengeluarkan visa, pas dan permit kepada warganegara asing yang memasuki Malaysia;
- Mengawal selia pergerakan keluar masuk orang di pintu-pintu masuk yang diwartakan; dan
- Menguatkuasakan Akta Imigresen 1959/63, Peraturan-peraturan Imigresen 1963, Akta Pasport 1966, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 pindaan 2010

Punca Kuasa Jabatan Imigresen Malaysia

- Perlembagaan Persekutuan;
- Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155);
- Akta Pasport 1966 (Akta 150);
- Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670); dan
- Akta Fi 1951;
- Peraturan-peraturan Imigresen 1963;
- Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593);
- Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001; dan
- Akta Keterangan 1950
- Kanun Keseksaan (Akta 574)



Evolusi Jabatan Imigresen Malaysia

Sejarah Jabatan Imigresen Malaysia

1887

- Pentadbiran Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu bersekutu telah menubuhkan 'Department of Chinese Protectorates' di Singapura, dalam tahun 1877 bagi menguruskan kemasukan orang-orang Cina ke Malaya. Jabatan ini bertukar nama kepada Jabatan Buruh apabila Pentadbiran British mula membawa masuk buruh-buruh dari India Selatan ke Malaya. Asas-asas inilah yang melahirkan Jabatan Imigresen.

- Penggubalan 'The Aliens Immigration Restrictions Ordinance, 1932' yang berkuatkuasa mulai 1 April 1933.

1933

- 1947 Pejabat Imigresen pertama di Pulau Pinang.
- Penggubalan 'The Aliens Immigration' 1 April 1933.
- The emergency (Travel Resctriction) Regulations 1948, The Passport Ordinance 1949 dan The Emergency (Entry By Land From Thailand) Regulations 1959.

1947-1952

1959-1963

1965

- Pusat Pentadbiran Jabatan Imigresen dipindahkan ke Jalan Tugu, Kuala Lumpur pada 13 April 1965.

1971

- Ibu pejabat Imigresen, Negeri-negeri Tanah Melayu telah disatukan dengan Ibu pejabat Imigresen Malaysia pada 1 Disember 1971.

1982

- Perpindahan Ibu Pejabat Imigresen ke Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur

1988

- Perpindahan Pejabat Imigresen ke Bangunan IBU KOTA, Jalan Pantai Baharu, Kuala Lumpur.

1994


- Bermula dengan proses rombakan sistem pengkomputeran pada 1994
- Pada 1994 buku pasport bercirikan teknologi mikrochip.

1997

- Bermula dengan proses rombakan The Immigration At, 1959/63 juga dikemaskini dan dipinda sesuai dengan perkembangan serta keperluan semasa. Akta ini telah dipinda dan dikemaskini, berkuatkuasa pada 1 Februari 1997.

2004

- Ibu Pejabat Imigresen berubah ke Wilayah Persekutuan Putrajaya selaras dengan Pertukaran Pusat Pentadbiran Negara.



Senario Perubahan Semasa

Pelan Strategik Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi tempoh 2015 hingga 2020 telah dilancarkan pada tahun 2015. Pelan tersebut menggariskan empat (4) teras utama iaitu Keselamatan Dan Kawalan Diutamakan, Pemantapan Sistem Pengkomputeran Imigresen, Merakyatkan Perkhidmatan Imigresen dan Perekayasaan Jabatan Imigresen Malaysia.

Selaras dengan keperluan semasa dan pelaksanaan penilaian semula terhadap Pelan Strategik tersebut, Pelan Transformasi Melestarikan Kecemerlangan telah dihasilkan sebagai garis panduan terhadap pelan tindakan transformasi Jabatan sejajar dengan Pelan Strategik JIM sedia ada. Pelan ini akan dirujuk bagi tempoh 2017 hingga 2020.

Cabaran Teknologi

Pengurusan maklumat dan data berkaitan keselamatan negara merupakan fungsi kritikal Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Sebahagian besar transaksi dan proses adalah menggunakan sistem teknologi maklumat. Transaksi umum dalam JIM termasuklah pengurusan maklumat pergerakan penumpang dan pelawat di sempadan negara, pemegang dokumen perjalanan dan warganegara asing yang masuk dan berada di dalam negara. Sehubungan itu, pengendalian dan transaksi JIM cenderung terdedah kepada risiko gangguan teknikal seperti *server/system downtime*, *offline*, ancaman daripada manusia seperti penggodam yang seterusnya menyebabkan kehilangan data, kelulusan yang tidak teratur dan risiko umum iaitu serangan *virus*.

Cabaran Modal Insan

Rekod daripada statistik Kementerian Sumber Manusia mencatatkan jumlah sebanyak lebih kurang 1.2 juta daripada 31 juta penduduk di negara ini adalah terdiri di kalangan penjawat awam. Jumlah ini menggambarkan pelaburan yang perlu dirancang oleh Kerajaan dari aspek pembangunan modal insan. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia senantiasa merancang pelan pembangunan modal insan yang mana merangkumi kompetensi dan kemahiran kakitangan Kerajaan. Cabaran pengurusan modal insan di JIM bukan sahaja perancangan terperinci terhadap pegawai dan kakitangan malah turut mengambil kira pegawai yang ditempatkan di luar negara (Pejabat Atase Imigresen) dan aspek kelangsungan kumpulan pegawai yang berkemahiran dan berpengetahuan (*subject matter expert*).

Cabaran Keselamatan

Malaysia merupakan salah satu negara yang mana pengurusan kawalan sempadan adalah merangkumi kesemua laluan perjalanan. Pengurusan para pelawat yang memasuki negara ini sama ada melalui udara, air dan darat memerlukan perancangan dan pelaksanaan dasar yang jelas. Peranan JIM dalam kawalan kemasukan pelawat seringkali bertindih dengan pelaksanaan polisi dari kementerian yang lain. Untuk itu, perubahan dasar sedia ada memerlukan perancangan dan penyusunan strategi penyampaian perkhidmatan oleh JIM.



Hala Tuju Strategik 2017 – 2020

Visi, misi, moto, slogan & objektif Jabatan Imigresen Malaysia

VISI

Pengurusan Perkhidmatan Imigresen Bertaraf Dunia Menjelang 2020

MISI

Meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan dan komited dalam menguatkuasakan undang-undang imigresen demi memelihara kedaulatan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan negara

MOTO

Penilaian semula Pelan Strategik JIM tahun 2015 hingga 2020 mendapati terdapat perubahan peranan signifikan dalam menentukan keselamatan negara sebagai agenda utama ke arah mencapai kesejahteraan negara. Arus bekerja secara silo dilihat tidak lagi relevan dalam pelaksanaan dasar dan polisi negara. Sehubungan itu, moto asal Jabatan iaitu Keselamatan Tanggungjawab Bersama **telah ditambah baik** kepada **Kedaulatan dan Keselamatan Negara Tanggungjawab Bersama** berkuatkuasa mulai 1 Disember 2016 sebagai memenuhi dan menyokong gagasan Kerajaan dalam aspek keselamatan negara sesuai dengan Konsep Strategi Lautan Biru (NBOS).

Kedaulatan dan Keselamatan Negara Tanggungjawab Bersama

SLOGAN

Selain daripada moto Jabatan, slogan Jabatan turut dipinda bersesuaian dengan moto baru. Pertukaran slogan asal iaitu Mudah, Cepat, Berintegriti telah berkuatkuasa mulai 20 Ogos 2016 kepada slogan baru; **Integriti, Profesional, Mesra.**

INTEGRITI, PROFESIONAL, MESRA

OBJEKTIF

Menguruskan hal-hal keimigresenan selaras dengan kepentingan negara

Hala Tuju Strategik 2017 – 2020

Visa, Misi, Moto & Slogan

Visi

Pengurusan
Perkhidmatan
Imigresen
Bertaraf
Dunia Menjelang
2020

Moto

Kedaulatan dan
Keselamatan
Tanggungjawab
Bersama

Misi

Meningkatkan kualiti
sistem penyampaian
perkhidmatan dan
komited dalam
menguatkuasakan
undang-undang
Imigresen
demi memelihara
kedaulatan,
keselamatan
dan kesejahteraan
rakyat dan negara

Slogan

INTEGRITI,
PROFESIONAL,
MESRA

Objektif

Menguruskan
hal-hal
keimigresenan
selaras dengan
kepentingan
negara




Teras Strategik

Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) adalah merangkumi pengeluaran dokumen perjalanan, pas, visa dan permit kepada pelanggan yang terdiri di kalangan warganegara dan warganegara asing. Bagi memastikan pematuhan kepada akta dan peraturan semasa berada di dalam negara, pemantauan melalui operasi penguatkuasaan dijalankan demi memelihara kesejahteraan rakyat. Untuk memastikan kelestarian kecemerlangan perkhidmatan yang berterusan, penilaian semula Pelan Strategik dilakukan pada tahun 2017. Semakan dan penilaian semula Pelan terdahulu telah memberi peluang kepada Jabatan untuk mengukuhkan lagi strategi-strategi Jabatan melalui tiga teras utama iaitu:

- **Teras Kawalan** : Keselamatan dan Kawalan Diutamakan
- **Teras Operasi** : Pemantapan Penguatkuasaan Imigresen
- **Teras Pengurusan** : Perekayasaan Jabatan Imigresen Malaysia

Kerangka Transformasi Jabatan Imigresen Malaysia



KERANGKA TRANSFORMASI IMIGRESEN

Teras Kawalan: Keselamatan dan Kawalan Diutamakan

Intipati penting dalam konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam (MPA) seperti Musyawarah, Kekitaan dan Kerjasama Awam-Swasta-NGO adalah antara aspek yang disusun melalui strategi dan program-program terkandung dalam Teras Kawalan dan Operasi JIM. Seajar dengan Teras Ketiga (Keselamatan Sempadan) dalam Pelan Strategik Kementerian Dalam Negeri (KDN), konsep MPA ini disesuaikan mengikut bidang tugas dan kuasa JIM. Teras kawalan JIM secara ringkasnya mengandungi 8 (lapan) strategi yang mencakupi bidang kuasa JIM dalam aspek kawalan di pintu masuk negara dan pengurusan kemudahan imigresen. Antara strategi utama terkandung dalam teras kawalan ialah Memperkasakan Sistem Pengurusan Kawalan Dan Keselamatan Di Pintu Masuk, Menambah Baik Prosedur Pengeluaran Visa Dan eVisa, Menambah baik Sistem Secara Total dan Memperkasakan tindakan Undang-undang Mengikut Kesesuaian Semasa.

Teras Operasi: Pemantapan Penguatkuasaan Imigresen

Operasi penguatkuasaan merupakan perkhidmatan teras JIM yang mana memastikan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan diambil terhadap pihak yang berkaitan. Antara objektif yang digariskan di bawah teras ini adalah Membanteras Pendatang Asing Tanpa Izin, Membanteras pemerdagangan orang dan penyeludupan migran, Mengurus Depot dan Tahanan Secara Efektif dan Pengukuhan Undang-undang.

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) melalui Transformasi Perkhidmatan Awam dalam teras strategik pertama iaitu Mendaya Upaya Bakat akan memastikan penyampaian perkhidmatan dari kalangan anggota penguatkuasaan JIM ditambahbaik bukan sahaja melalui kompetensi dan keperluan logistik yang berkesan tetapi juga dari aspek perundangan dan kolaborasi bersama agensi penguatkuasaan yang lain sama ada di dalam atau luar negara.

Teras Pengurusan: Perekayasaan Jabatan Imigresen Malaysia

Menyedari penjawat awam sebagai sebahagian daripada pelanggan JIM, Jabatan menyokong penuh penawaran perkhidmatan Kerajaan pada masa kini melalui konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam. Sistem penyampaian perkhidmatan daripada JIM akan ditambah baik melalui Teras Pengurusan yang mengandungi 6 (enam) strategi lengkap dengan program-program dan petunjuk prestasi bagi tempoh bermula tahun 2017 sehingga 2020. Teras Pengurusan yang mampan akan berperanan sebagai sistem sokongan kepada pelaksanaan dua lagi teras utama iaitu Teras Kawalan dan Teras Operasi Jabatan Imigresen Malaysia.



Sektor Kawalan



Sektor Kawalan Jabatan Imigresen Malaysia

SEKTOR KAWALAN

Objektif 1 : Pengukuhan keselamatan sempadan

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
1) Memperkasakan sistem pengurusan kawalan dan keselamatan di pintu masuk	a) Menambahbaik dan menaik taraf aplikasi dan peralatan bagi sistem biometrik di pintu masuk	- Pemeriksaan penumpang direkodkan 100% semasa <i>downtime</i> - Sistem beroperasi 100% semasa <i>offline</i>	Sistem pengurusan kawalan yang efisien, efektif dan komprehensif dalam memudahkan pergerakan pelawat asing tanpa menjejaskan keselamatan negara
	b) Meningkatkan kompetensi pegawai melalui program pembangunan keupayaan pegawai	- Peningkatan kemahiran pegawai di lapangan terbang ke Tahap I (Basic) <i>Document Examiner</i> - Penapisan 100% <i>second layer</i> kepada pelawat yang masuk dari negara berisiko tinggi	Pengurusan kemasukan pelawat asing yang efisien
	c) Mengukuhkan infrastruktur di pintu masuk	Semua pintu masuk negara dilengkapi dengan mesin pengimbas dokumen perjalanan yang mampu membaca cip (ICAO compliance) dan sistem pengecaman wajah (facial recognition) 100% menjelang tahun 2020	Sistem pengurusan kawalan yang efisien, efektif dan komprehensif dalam memudahkan pergerakan pelawat asing tanpa menjejaskan keselamatan negara

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
	d) Penggunaan kemudahan automasi di pintu masuk (autogate, kiosk, e-Gate)	Pemeriksaan penumpang direkodkan 100% melalui sistem	- Pengurangan kesesakan dan aktiviti rasuah - Pengurusan kemasukan pelawat asing yang efisien
2) Membanteras jenayah rentas sempadan	a) Hebahan (awareness) kepada umum mengenai kepentingan kawalan sempadan b) Menjalinkan hubungan strategik dengan negara luar terutamanya ASEAN dalam urusan saluran maklumat	- Penerbitan brosur hebahan dan edaran kepada umum sepanjang tahun - Penglibatan aktif dalam ASEAN <i>Immigration Intelligence 24/7 Focal Point</i>	Keterangkuman rangkaian keselamatan di kalangan kerajaan dan masyarakat
3) Mengukuhkan sistem perkongsian maklumat antara agensi	a) Penyertaan dalam medium antarabangsa melalui konvensyen, mesyuarat dan rundingan kerjasama negara-negara luar melalui kerjasama/ rundingan: i. Mesyuarat Bilateral ii. Rundingan <i>Frequent Traveller Facility</i> iii. DGICM	Mengadakan sekurang-kurangnya 3 (tiga) sesi libat urus melibatkan kerjasama antarabangsa dalam setahun	Pengukuhan rangkaian kerjasama global

SEKTOR KAWALAN

Objektif 2 : Pengurusan kemudahan Imigresen yang efektif

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
1) Menambahbaik prosedur pengeluaran Visa dan eVisa	a) Pewujudan Pusat Komunikasi eVisa (<i>eVisa Communication Centre</i>) untuk koordinasi isu-isu berkaitan Visa dan eVisa seluruh dunia	Penempatan pegawai bertugas di Pusat Komunikasi eVisa, Bahagian Visa, Pas dan Permit mulai suku kedua 2017	- Pengukuhan hubungan komunikasi antara Atase Imigresen Malaysia dengan Ibu Pejabat JIM - Pengurusan krisis sekiranya berlaku bencana di luar negara dapat dilaksanakan secara lebih efektif - Pengumpulan data dan statistik Visa dan eVisa secara lebih bersepadu
	b) Semakan semula prosedur Visa dan eVisa	Pengeluaran pekeliling/arahan tetap terkini berkaitan prosedur Visa dan eVisa secara berkala	- Penambahbaik kedudukan Malaysia dalam senarai negara yang terlibat dalam pencegahan penyeludupan dan perdagangan orang - Peningkatan tahap keselamatan dalam negara

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
2) Mengutamakan keselamatan dalam pengeluaran visa	a) Kajian berhubung pengeluaran Visa On Arrival (VOA)	Pengeluaran pekeliling/arahan tetap terkini yang berkaitan	Peningkatan tahap keselamatan dalam negara
	b) Pemansuhan pengeluaran Visa Dalam Negara (<i>Journey Performed Visa</i>)		
	c) Pemansuhan kemudahan Transit Tanpa Visa		

SEKTOR KAWALAN

Objektif 3 : Pemantapan sistem penyampaian perkhidmatan

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
1) Menambahbaik sistem secara total	a) Pelaksanaan program penambahbaikkan terhadap sistem sedia ada di Bahagian Teras JIM	- Audit pematuhan, prestasi dan keselamatan sistem dilaksanakan sekali setahun - Pembentangan status penambahbaikkan sistem sekurang-kurangnya sekali setahun	Peningkatan kecekapan dan integriti sistem penyampaian perkhidmatan JIM
	b) Penambahbaikkan dan peluasan skop penyampaian perkhidmatan secara atas talian sedia ada di Bahagian Teras JIM	Menyediakan fasiliti e-Services untuk membuat permohonan/ semakan status/ bayaran bagi setiap bahagian teras	

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
		Sekurang-kurangnya setiap perkhidmatan teras mempunyai dua (2) perkhidmatan yang boleh diakses secara atas talian	
2) Mengukuhkan jaringan kerjasama antara agensi-agensi Kerajaan	a) Menambahbaik prosedur naziran	Pengeluaran pekiling/arahan tetap terkini yang berkaitan	Peningkatan tahap keselamatan dalam negara
	b) Peluasan skop dan penambahbaikan perkhidmatan secara atas talian		Peningkatan kecekapan dan integriti sistem penyampaian perkhidmatan JIM
3) Memperkasakan tindakan undang-undang mengikut kesesuaian semasa	a) Menyemak dan meminda undang-undang /akta yang menampung keperluan semasa	- Jawatankuasa Semakan Undang-undang mengadakan perbincangan setiap suku tahunan - Pembentangan status semakan akta/peraturan sekurang-kurangnya sekali setahun	Kecekapan tadbir urus dokumentasi perundangan berkaitan hal keimigresenan



Sektor Operasi



Sektor Operasi Jabatan Imigresen Malaysia

SEKTOR OPERASI Objektif 1 : Membanteras PATI

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
1) Memastikan hanya pelawat tulen (<i>genuine traveller</i>) dibenarkan masuk ke Malaysia	a) Menempatkan anggota penguatkuasa di setiap pintu masuk sebagai pemantau dan membuat pemeriksaan kedua secara rawak.	Penempatan anggota penguatkuasa dan risikan bermula pada Oktober 2017.	Penguatkuasaan dan pemantauan kawalan pintu masuk yang lebih efektif.
	b) Mengadakan risikan di pintu-pintu masuk berisiko tinggi.		
2) Meningkatkan penguatkuasaan undang-undang.	a) Operasi bersepadu di bawah program NBOS, pemeriksaan berkala di institusi pengajian dan pelbagai premis serta serbuan mengejut (<i>Element of surprise</i>)	Hari-hari operasi	Meningkatkan keyakinan rakyat terhadap JIM
	b) Meningkatkan keberadaan anggota imigresen melalui Unit Penguatkuasaan Bergerak	- Pewujudan <i>Mobile Enforcement Unit</i> di ibu pejabat pada bulan April 2017 - Pewujudan <i>Mobile Enforcement Unit</i> di peringkat JIM negeri secara berperingkat sebelum tahun 2020	

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
3) Mengenenakan tindakan tegas kepada PATI dan majikan.	a) Meningkatkan kes pendakwaan terhadap majikan.	80% majikan didakwa	Meningkatkan kesedaran kepada majikan berkenaan tindakan yang boleh diambil terhadap kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan lain-lain akta yang berkaitan
	b) Mendakwa majikan di bawah <i>Anti Money Laundering Act</i> (AMLA)	5% kes yang didakwa, diambil tindakan di bawah AMLA.	
4) Melaksanakan Program Kesedaran.	a) Program <i>engagement</i> dengan persatuan majikan, pihak media dan masyarakat setempat	Program <i>engagement</i> dengan persatuan majikan, pihak media dan masyarakat setempat sebanyak 4 kali setahun	Meningkatkan keyakinan rakyat terhadap JIM

SEKTOR OPERASI

Objektif 2 : Membanteras pemerdagangan orang dan penyeludupan migran (NAP – MAPO 2016 -2020)

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
1) Bekerjasama dengan lain-lain agensi penguatkuasa secara efektif	a) Operasi yang melibatkan semua agensi penguatkuasa secara NBOS	Penglibatan 100% di dalam operasi NBOS	Pencegahan Jenayah Pemerdagangan Orang lebih berkesan
2) Berkongsi maklumat/risikan antara agensi penguatkuasa	a) Perkongsian maklumat risikan melalui perjumpaan berkala dan penganjurkan bengkel	100% menghadiri perjumpaan berkala dan bengkel	

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
3) Meningkatkan kesedaran berhubung jenayah pemerdagangan orang di kalangan migran yang mudah terdedah kepada jenayah ini	a) Menyediakan dan mengedarkan risalah di semua pintu masuk dan premis kerja dalam pelbagai bahasa.	100% menyertai program pengedaran risalah	Pencegahan Jenayah Pemerdagangan Orang lebih berkesan
4) Meningkatkan kesedaran berhubung jenayah pemerdagangan orang di kalangan majikan, organisasi dan persatuan	a) Menyertai Pemeriksaan berkala untuk mengenal pasti unsur eksploitasi bersama Pejabat Strategik Nasional, MAPO, KDN.	Menyertai 100% pemeriksaan berkala yang dianjurkan oleh Pejabat Strategik Nasional, MAPO, KDN	
	b) Menyertai Sesi dialog, pameran serta mengedarkan risalah berkenaan proses pengambilan pekerja asing kalangan majikan, organisasi dan persatuan yang di anjurkan oleh MAPO	Menyertai 100% program yang dianjurkan oleh MAPO	
5) Meningkatkan kesedaran berhubung jenayah pemerdagangan orang di kalangan Pegawai Penguatkuasa dan penjawat awam	a) Mempelbagaikan latihan/ seminar/ bina upaya/ sesi dialog antara pegawai penguatkuasa dan penjawat awam	100% menyertai program latihan/ seminar / bina upaya/ sesi dialog antara pegawai penguatkuasa dan penjawat awam.	Pencegahan jenayah pemerdagangan orang lebih berkesan

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
6) Meningkatkan usaha untuk menyiasat dan mendakwa kes-kes pemerdagangan orang dan eksploitasi mangsa	a) Siasatan aduan berunsur ATIPSOM yang diterima diutamakan	Siasatan aduan 100%	Pencegahan jenayah pemerdagangan orang lebih berkesan
	b) Mendakwa majikan/ ejen di bawah AMLA.	100 % kes yang dituduh di bawah akta ATIPSOM akan diambil tindakan di bawah AMLA	

SEKTOR OPERASI

Objektif 3 : Mengurus depot dan tahanan secara efektif

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
1) Meningkatkan keberkesanan dan akauntabiliti pengurusan depot	a) Mengadakan pemantauan dan pengauditan dalaman oleh negeri dan ibu pejabat.	Mengadakan pemantauan dan pengauditan dalaman oleh JIM negeri dan ibu pejabat diadakan sebanyak 2 kali setahun	Pengurusan Depot Imigresen yang lebih teratur dan telus
	b) Melaksanakan Program <i>Star Rating</i> depot.	Mengadakan Program <i>Star Rating</i> depot mulai 2018 sehingga 2020.	Sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan dan efektif.
	c) Mengadakan program kesedaran keselamatan dan risiko kepada anggota.	Program kesedaran keselamatan dan risiko kepada anggota diadakan 1 kali setahun	Pegawai lebih bersiapsiaga bagi menghadapi sebarang kecemasan dan ancaman.
	d) Melaksanakan latihan simulasi bencana, rusuhan dan pembolosan.	Latihan simulasi bencana, rusuhan dan pembolosan sebanyak 1 kali setahun	

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
2) Bekerjasama dengan Pusat Kesihatan Tempatan	a) Mengadakan pemeriksaan ke atas makanan yang disediakan oleh kontraktor.	Pemeriksaan berkala ke atas pengurusan penyediaan makanan setiap bulan mulai Jun 2017.	Kesihatan tahanan terpelihara
	b) Mengadakan pemeriksaan kawasan sekitar depot daripada pelbagai wabak penyakit.	Pemeriksaan berkala di kawasan sekitar depot 2 kali setahun.	Mencegah penularan wabak penyakit di Depot Tahanan Imigresen.
	c) Melaksanakan pemeriksaan kesihatan ke atas pegawai secara berkala	Pemeriksaan kesihatan sebanyak 2 kali setahun	Kebajikan pegawai terpelihara
3) Bekerjasama dengan Ibu Pejabat Polis Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan, Bomba dan CGSO	a) Mengadakan pemeriksaan berkaitan keselamatan bangunan dan kawasan sekitar depot.	Pemeriksaan berkaitan sebanyak sekali setahun	Tahap keselamatan bangunan mengikut piawaian CGSO
4) Meningkatkan jalinan kerjasama dengan kedutaan asing	a) Menjalinkan kerjasama dengan pihak kedutaan untuk urusan dokumentasi pengusiran tahanan ke negara asal.	100% urusan dokumentasi tahanan	Pengusiran tahanan secara efektif dan sistematik.
5) Mengadakan kolaborasi/ <i>engagement</i> bersama penduduk setempat, NGO tempatan dan antarabangsa	a) Kolaborasi dengan ICRC, MERCY Malaysia dan lain-lain bagi pemeriksaan kesihatan, pembekalan peralatan klinik depot serta Pengurusan jenazah tahanan	Mengadakan perbincangan 2 kali setahun	Pengurusan tahanan secara holistik

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
	b) Mengadakan program kemasyarakatan dengan penduduk tempatan.	Program kemasyarakatan diadakan setahun sekali	Memberi keyakinan kepada penduduk setempat untuk lebih memahami dan memberi kerjasama

SEKTOR OPERASI

Objektif 4 : Pengukuhan perisikan

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
1) Memperkemas pentadbiran perisikan	a) Mewujudkan Bahagian Perisikan & Inteligen JIM	Ditubuhkan pada 1 Mac 2017	Membanteras sindiket pemalsuan dokumen, pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.
	b) Membuat pelantikan anggota risikan mengikut zon.	Mengenalpasti dan membuat perlantikan anggota risikan menjelang Ogos 2017	
	c) Mendapat latihan secara NBOS daripada PDRM dan ATM	Latihan 2 kali setahun	Mewujudkan <i>Subject Matter Expert</i> (SME) dalam bidang perisikan
2) Kolaborasi dengan agensi perisikan di dalam dan di luar negara	a) Mengadakan program pertukaran maklumat risikan dengan agensi risikan di dalam dan di luar negara.	Mengadakan perjumpaan bersama PDRM dan ATM sekurang-kurangnya 2 kali setahun.	Meningkatkan keupayaan perisikan dari semasa ke semasa dan menambahbaik Pelan Strategik Pengurusan dan Pengoperasian Organisasi Perisikan
	b) Menghadiri seminar, bengkel, kursus berkaitan dengan risikan di dalam dan di luar negara.	100% penyertaan dalam seminar, bengkel, kursus berkaitan dengan risikan di dalam dan di luar negara.	

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
	c) Mengadakan lawatan sambil belajar di dalam dan di luar negara.	Mengadakan lawatan sambil belajar dalam dan di luar negara diadakan sekurang-kurangnya 1 kali setahun.	
3) Mewujudkan Pusat Data Risiko	a) Membangunkan Sistem Pusat Data Risiko JIM	Mempunyai pusat data yang khusus untuk aktiviti intelijen JIM mulai tahun 2018	Mencegah aktiviti-aktiviti jenayah rentas sempadan yang melibatkan sindiket

SEKTOR OPERASI

Objektif 5 : Pemantapan logistik

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
1) Menetapkan standard keperluan logistik	a) Menetapkan standard keperluan logistik berdasarkan kepada aktiviti	1 senarai standard keperluan logistik disediakan	Penguatkuasaan cekap dan efisien
	b) Melaksanakan kajian pasaran untuk tujuan perolehan peralatan/ logistik.	1 kajian pasaran dilaksanakan bermula pada April 2017	
	c) Perolehan melalui bajet tahunan	Permohonan peruntukan bagi perolehan di bawah bajet mengurus/ pembangunan.	
2) Mewujudkan sistem pengurusan dan penyelenggaraan logistik	a) Membangun sistem pengurusan dan penyelenggaraan logistik di bawah MyImms/ SKIN	Sistem pengurusan dan penyelenggaraan logistik diwujudkan di bawah SKIN dan disiapkan menjelang 2020	Pengurusan logistik lebih cekap dan efisien

SEKTOR OPERASI

Objektif 6 : Pemantapan Pegawai Penguatkuasa

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
1) Memantapkan kompetensi pegawai	a) Menghantar pegawai untuk menghadiri kursus asas dan lanjutan mengikut pengkhususan bidang tugas dalam penguatkuasaan dalam dan di luar negara	Menghantar 10 orang pegawai untuk menghadiri kursus dalam negara dan 2 orang pegawai menghadiri kursus di luar negara.	Peningkatan profesionalisme pegawai JIM yang bertugas di sektor operasi.
	b) Melahirkan <i>Subject Matter Expert</i> (SME)	Mewujudkan SME dalam bidang penguatkuasaan bermula Oktober 2017 sehingga 2020	
	c) Mengadakan <i>in house training</i>	<i>In-house training</i> dalam bidang penguatkuasaan 2 kali setahun	

SEKTOR OPERASI

Objektif 7 : Pengukuhan undang-undang

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
1) Semakan Akta dan Peraturan	a) Menyertai <i>Task Force</i> semakan undang-undang	Kehadiran 100% bengkel dan mesyuarat semakan undang-undang.	Akta dan Peraturan Imigresen akan lebih sempurna mengikut perkembangan semasa.
2) Penyediaan dan pengemaskinian SOP	a) Mengadakan bengkel penyediaan SOP baru dan pengemaskinian SOP sedia ada.	Penyediaan dan kemaskini SOP bermula Mac 2017 sehingga 2020.	SOP yang seragam



Sektor Pengurusan



Sektor Pengurusan Jabatan Imigresen Malaysia

SEKTOR PENGURUSAN

Objektif 1: JIM sebagai organisasi yang melestarikan kecemerlangan

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
1) Memperkasa keupayaan organisasi	a) Penstrukturan organisasi JIM	- Menaiktaraf perjawatan Pengurusan Tertinggi dan Pengarah Bahagian/Negeri – Oktober 2017 - Menaiktaraf perjawatan – Ketua-ketua pejabat / ICQS – Oktober 2017 - Pewujudan perjawatan secara fleksi – Oktober 2017 - Mewujudkan Unit Kaunseling Dan Psikologi JIM – Oktober 2017 - Pemantapan pejabat atase bagi peringkat pertama kawalan sempadan (first layer border control) – Oktober 2017	Pengoptimuman penggunaan sumber manusia
	b) Memperkasakan AIMM sebagai pusat kecemerlangan	Mengantara-bangsakan Akademi Imigresen – 2 program setahun	Peningkatan kemahiran dan kompetensi Pegawai

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
		Penggunaan pusat latihan secara NBOS dengan ILA/ 1MTC mengikut zon – 2 program setiap zon setahun	
	c) Pewujudan <i>think tank</i> (RnD) bawah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS)	- Penetapan TOR dan Pelantikan keahlian pasukan <i>Think-Tank</i> - Jun 2017 - Mewujudkan geran penyelidikan berkaitan isu imigresen secara NBOS – 2018	Pelaksanaan dasar berkaitan imigresen dengan lebih berkesan
	d) Mewujudkan Persekitaran kerja yang kondusif dan selamat	- Mewujudkan stor simpanan barangan siasatan yang tidak dituntut – Jun 2018 - Penambahan ruang pejabat JIM yang selesa – 2 ruang pejabat setahun - Pemeriksaan kawalan keselamatan pejabat - 2 kali setahun - Menaik taraf depoh tahanan – 2 permohonan baru setahun - Mewujudkan stor senjata – Jun 2018	Peningkatan produktiviti pegawai

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
	e) Memperluas hasil KIK dan inovasi ke seluruh negara	Penyeragaman pelaksanaan penemuan-penemuan KIK dalam proses kerja – Oktober 2017	Peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan JIM
2) Merakyatkan perkhidmatan JIM	a) Mengadakan <i>engagement</i> bersama Persatuan Majikan, Industri dan badan sukarela (NGO)	Sesi dialog diadakan 4 kali setahun	Peningkatan pemahaman kepada dasar-dasar dan peraturan-peraturan berkaitan imigresen
	b) Mewujudkan kemudahan Pusat Komuniti Transformasi Bergerak (mobile CTC)	- Pewujudan unit rondaan penguatkuasaan – April 2017 - Pewujudan perkhidmatan Mobile CTC – Oktober 2018 - Pemantapan program turun padang (outreach) – 3 kali setahun	Peningkatan perkhidmatan kepada rakyat
	c) Perkongsian pengetahuan tentang keimigresenan di IPTA/IPTS	Sesi penerangan kepada pelajar di IPTA/IPTS – 4 kali setahun	Peningkatan pemahaman orang awam terhadap fungsi dan peranan JIM
3) Memantapkan imej korporat JIM	a) Penyeragaman imej korporat JIM	Pemantauan pematuan pemakaian seragam oleh pasukan Disiplin Tatatertib Seragam (DTS) secara berterusan – Setiap bulan	Peningkatan imej JIM

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
		- Penyeragaman pemakaian baju korporat JIM di semua pejabat JIM – April 2017 - Penyeragaman baju pengawal keselamatan JIM dan pangkat berdasarkan pekeliling CGSO – April 2017 - Gabungan kaunter pengawal keselamatan dan khidmat pelanggan pada - Mac 2018	
	b) Memperhebatkan pakatan strategik bersama rakan media	- Sesi <i>engagement</i> dan pakatan strategik bersama rakan media – 4 kali setahun - Mempromosi <i>success story</i> – 4 kali setahun	
4) <i>Enterprise Risk Management</i>	a) Mengenalpasti risiko pelaksanaan program-program Pelan Strategik JIM	Mewujudkan Pelan Pengurusan Risiko JIM – Disember 2017	Peningkatan keupayaan jabatan dalam pengurusan risiko
	b) Melaksanakan <i>roadshow</i> ke setiap negeri	Sesi <i>roadshow</i> di negeri-negeri dijangka selesai - Disember 2017	

PENGURUSAN

Objektif 2: Memperkasa modal insan yang kompeten dan versatile

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
1) Meningkatkan kompetensi dan kebajikan pegawai	a) Pemantapan kompetensi pegawai	- Kursus bahasa asing – 2 kali setahun - Kursus perkhidmatan kaunter – 2 kali setahun - Kursus khas untuk PKK – 2 kali setahun - Diploma keimigresenan – Jun 2018 - Pendedahan kursus luar negara – 4 kali setahun - Kursus <i>team building</i> di setiap negeri – Sekali setahun	Peningkatan profesionalisma pegawai JIM
	b) Pemantapan organisasi pembelajaran	- Mewujudkan SME – Jun 2017 - Pemantapan program <i>mentor-mentee</i> – Mac 2017 - Mewujudkan pusat sumber – April 2017	
	c) Mempertingkatkan kebajikan pegawai	Meningkatkan kemudahan kuarters – 2 permohonan setiap tahun.	Peningkatan motivasi dan kepuasan pegawai

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
		- Memperluas bayaran insentif penguatkuasa kepada semua pegawai JIM – Jun 2018 - Mewujudkan gym Imigresen – Oktober 2017 - Mengalakkan aktiviti sukan dan rekreasi – 2 aktiviti setahun - Pemeriksaan kesihatan secara berkala – sekali setahun - Penganugerahan Pingat kepada pegawai yang cemerlang dan berjasa. – Disember setiap setahun	Peningkatan motivasi dan kepuasan pegawai
	d) Pengiktirafan pegawai cemerlang	- Pencalonan untuk penganugerahan bintang dan pingat Negeri/ Persekutuan – Sepanjang Tahun - Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang – Setahun sekali - Pemberian Sijil Penghargaan Jabatan – Setiap bulan	

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
2) Memperkukuh integriti secara berterusan	a) Pembudayaan integriti dan nilai-nilai murni	- Program NBOS bersama agensi-agensi berkaitan, - 4 kali setahun - Roadshow Pelan Integriti JIM dan Kod Etika JIM – Semua pejabat negeri, KLIA dan ALMM - Pusingan kerja (jawatan sensitif) setiap 3 tahun – Mesyuarat 4 kali setahun	Peningkatan integriti di kalangan pegawai JIM
	b) Pemantauan kaunter berisiko rasuah	- Pemantauan secara berkala di kaunter berisiko tinggi – 4 kali setahun - Pemasangan CCTV di kaunter-kaunter berisiko tinggi – Jun 2018	Peningkatan integriti di kalangan pegawai JIM
	c) Penguatkuasaan pematuhan	- Pemeriksaan mengejut perlaksanaan kod etika – 3 kali setahun. - Naziran berkala – Setiap bulan - Mesyuarat lembaga tatatertib – Setiap bulan	

PENGURUSAN
Objektif 3: Merekayasakan Sistem Pengurusan ICT yang Efisien

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
1) Mempertingkatkan kecekapan Pengurusan ICT	a) Mengukuhkan pengurusan maklumat dan keselamatan ICT	- Mewujudkan pasukan pakar IT Forensik – 2 kursus setahun - Mengukuhkan lagi <i>system firewall</i> ICT – Jun 2017 - Perluasan penggunaan biometrik (pengurusan ID) – September 2017 - Mewujudkan <i>Command Control Centre</i> (CCC) JIM secara bersepadu – Mac 2019	Peningkatan sistem ICT JIM yang lebih cekap dan komprehensif
	b) Penggunaan dan perluasan eServices	- Penggunaan <i>video conferencing</i> – 3 kali setiap tahun - Pemantapan portal JIM mengikut kriteria MAMPU – setiap tahun - Perluasan sistem aduan kerosakan ICT secara <i>online</i> ke semua pejabat JIM – Mei 2017	Peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
		- Sistem aduan awam secara <i>online</i> ke semua pejabat JIM – Mei 2017 - Perluasan penggunaan myMesyuarat – semua bahagian dan negeri - Mei 2017 - Pembangunan sistem secara <i>in-house</i> JIM – 2 program baru setiap tahun - Penggunaan sistem <i>dash-Board</i> dalam pemantapan KPI – Oktober 2017	

PENGURUSAN


Objektif 4: Memantapkan Pengurusan Kewangan dengan lebih efektif

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
1) Meningkatkan akauntabiliti dan pematuhan pengurusan kewangan	a) Program pemantauan pengurusan kewangan	- Naziran kewangan – 4 kali setahun - Pemeriksaan mengejut – 4 kali setahun - Peningkatan penggunaan <i>e-payment</i> dalam urusanniaga kaunter di semua PTJ - Jun 2018	Peningkatan akauntabiliti dan tadbir urus pengurusan kewangan

Strategi	Program	Petunjuk Prestasi (KPI)	Outcome
	b) Tadbir urus kewangan yang cekap	- Mesyuarat berkala dengan PTJ mengikut zon - Sekali setahun setiap zon - Pemantapan tatacara perolehan 2 kursus setahun - Pewujudan akaun amanah JIM - Disember 2017 - Tindakan pencegahan dan kawalan ABT - Oktober 2017	

Elemen Penentu Kejayaan

Elemen Penentu Kejayaan merupakan pra syarat dalam menentukan kejayaan pelaksanaan strategi dan program yang terkandung di dalam Pelan Transformasi Melestarikan Kecemerlangan JIM. Sehubungan itu, antara elemen penentu kejayaan Pelan Strategik JIM 2017-2020 ialah:



Elemen Penentu Kejayaan merupakan pra syarat dalam menentukan kejayaan pelaksanaan strategi dan program yang terkandung di dalam Pelan Transformasi Melestarikan Kecemerlangan JIM 2017-2020.

Mekanisme Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian Semula

Pelan ini akan dilaksanakan melalui pemantauan berterusan. Kajian semula sama ada terhadap kesesuaian program atau kebolehlaksanaan akan disesuaikan selaras dengan perubahan dari segi faktor perundangan, ekonomi, dan sosial semasa.

01

PELAKSANAAN

- Melaksanakan kesedaran terhadap semua warga Imigresen melalui seminar/ taklimat
- Kesedaran pelaksanaan pada peringkat pengurusan melalui Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Imigresen dan Mesyuarat Pengarah-pengarah
- Memastikan setiap Bahagian membangunkan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) sejajar dengan Pelan Strategik Jabatan sebagai panduan pelaksanaan program-program Jabatan Bahagian



02

PEMANTAUAN & PENGUKURAN PRESTASI

- Pelaporan pencapaian petunjuk prestasi utama (KPI) bagi setiap program dalam Mesyuarat Pengarah-pengarah (MPP) atau Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Imigresen (MPTI)
- Setiap Laporan pencapaian setiap program di bawah strategi-strategi akan diberi perhatian dalam mesyuarat
- Ketua Jabatan berperanan dalam memantau keberkesanan pelaksanaan program melalui mesyuarat-mesyuarat utama JIM



03

PENILAIAN & SEMAKAN SEMULA

Sekretariat akan melaksanakan kajian semula pelan strategik bagi menyelaraskan hala tuju dan strategi yang bersesuaian dengan cabaran dan keperluan semasa.



Way Forward



Rajah 3: Perantaian Ke Hadapan (Way Forward) Pelan Transformasi Melestarikan Kecemerlangan JIM 2017 - 2020

Penutup

Fokus utama Pelan Transformasi Melestarikan Kecemerlangan Jabatan Imigresen Malaysia 2017 – 2020 adalah ke arah penyampaian perkhidmatan yang selari berintegriti selaras dengan perubahan senario keselamatan dalam negara. Perancangan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) adalah berlandaskan tiga sektor utama iaitu sektor kawalan, operasi dan pengurusan. Ianya disusun sejajar dengan peranan JIM sebagai salah satu agensi yang diamanahkan dalam kawalan keselamatan negara.

Pelaksanaan program dan inisiatif berdasarkan Pelan ini merupakan sokongan Jabatan Imigresen Malaysia dalam gagasan Kerajaan berhubung Dasar Transformasi Nasional yang mana menyentuh fokus berkaitan modal insan dan perkhidmatan awam.

Kejayaan dalam pelaksanaan program-program dan inisiatif Pelan ini memerlukan komitmen dan penglibatan banyak pihak selain daripada warga Imigresen sendiri. Justeru itu, keberhasilan Pelan ini dijangka mampu memberikan impak berkesan dan dapat menjana idea-idea kreatif dan inovasi untuk perancangan seterusnya.



Bibliografi

Jabatan Perkhidmatan Awam, Transformasi Perkhidmatan Awam, Menjiwai Transformasi Mengkhidmati Rakyat, 2017, Putrajaya.

Kementerian Sumber Manusia, Statistik Pekerjaan dan Perburuhan Siri 7 Bilangan 1/2016 Mac, Putrajaya, < http://myhos.mohr.gov.my/ebook/istatistik1_2016/bil1_2016.ppsx >.

Pejabat Ketua Setiausaha Negara, Merakytakan Perkhidmatan Awam, 2014, Putrajaya, < <http://www.jpm.gov.my/jpm2/sites/default/files/MPAbooklet.pdf> >.

Pelan Strategik Jabatan Imigresen Malaysia 2015 – 2020, Putrajaya.

Pelan Strategik Kementerian Dalam Negeri 2015 – 2020, Putrajaya.

Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang 2016 – 2020, Putrajaya.

Arkib : Johardy Ibrahim, Pengiktirafan Kepada Imigresen © Utusan Melayu (M) Bhd, 01/12/1998

< http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=1998&dt=1201&sec=Rencana&pg=ot_03.htm#ixzz4bxES7cXg >.



JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

15, Level 1-7, (Podium)
Persiaran Perdana, Presint 2,
62550 Putrajaya, Malaysia

www.imi.gov.my